



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEBANGKITAN SEMULA MUZIK GUZHENG ENSEMBEL DI LEMBAH  
KLANG, MALAYSIA**

**MOK VIVIEN**

**FEM 2020 8**



**KEBANGKITAN SEMULA MUZIK GUZHENG ENSEMBEL DI  
LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

**MOK VIVIEN**

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk  
Ijazah Master Sains**

**November 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## **KEBANGKITAN SEMULA MUZIK GUZHENG ENSEMBEL DI LEMBAH KLANG, MALAYSIA**

Oleh

**MOK VIVIEN**

**November 2019**

**Pengerusi: Prof. Madya Loo Fung Chiat, PhD**  
**Fakulti: Ekologi Manusia**

Penyelidikan ini mengkaji tentang kebangkitan semula muzik Guzheng ensemble di Lembah Klang, Malaysia. Menjelang akhir abad ke-20, peluang integrasi aktiviti muzik antara negara China dan Malaysia telah dipertingkatkan. Muzik tradisional Cina telah diperkenalkan di Malaysia atas sebab imigrasi penduduk negara China ke Malaysia. Pengenalan dan kemasukan alat muzik tradisional Cina dari Negara China pada awal abad ke-20 telah menyediakan asas untuk membangunkan budaya muzik Guzheng di Malaysia. Memandangkan bilangan pemain Guzheng semakin bertambah, bentuk persembahan Guzheng solo juga telah dibangkit semula menjadi Guzheng ensemble.

Kajian ini memberi fokus kepada penubuhan, pembentukan dan perkembangan sesebuah Guzheng ensemble. Lima tema yang digunakan dalam teori kebangkitan muzik telah dikaitkan dalam proses kebangkitan semula Guzheng ensemble di Lembah Klang. Antara tema yang digunakan adalah motivasi dan keinginan untuk berbangkit (*activism and the desire for change*), penilaian dan pentafsiran semula terhadap sejarah (*the valuation and reinterpretation of history*), kesahihan dan keaslian (*legitimacy and authenticity*), penghantaran dan penyebaran (*transmission and dissemination*), serta transformasi dan pengubahsuaian semula (*recontextualization and transformation*). Tiga buah kumpulan Guzheng ensemble, iaitu Oriental String, DingTian (DT) Guzheng Ensemble dan Art Melody Guzheng Ensemble telah ditumpu sebagai kajian kes. Kajian kes ini merupakan kajian kualitatif, dengan menggunakan pendekatan etnografi. Pemerhatian ikut serta dan temu bual semi struktur telah digunakan sebagai teknik pengumpulan data.

Dapatan kajian ini menunjukkan kebangkitan semula muzik Guzheng ensemble

di Lembah Klang adalah dipengaruhi oleh motivasi, keinginan berubah dan tindakan dari ejen kebangkitan. Untuk membangkitkan sesebuah Guzheng ensemble, perkara seperti: pemilihan kelayakan guru, penentuan kemasukan ahli pemain Guzheng, jenis seni persembahan, pemilihan repertoire serta teknik pengajaran dan pembelajaran harus dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, masalah sumber manusia dan kewangan tetap menjadi satu penghalang bagi ejen kebangkitan untuk memperkembangkan kumpulan Guzheng Ensemble.

Kajian ini menjadi panduan asas dan membekalkan maklumat tentang kebangkitan budaya serta membantu pengkaji yang lain untuk meneruskan kajian berkaitan dengan kebangkitan muzik, terutama dalam bentuk persembahan Guzheng.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

## **THE REVIVALISM OF GUZHENG ENSEMBLE IN KLANG VALLEY, MALAYSIA**

By

**MOK VIVIEN**

**November 2019**

**Chair: Prof. Madya Loo Fung Chiat, PhD**  
**Faculty: Human Ecology**

This study is about the rise of Guzheng ensemble in the Klang Valley, Malaysia. By the end of the 20th century, the opportunity for the integration of musical activities between China and Malaysia has been increased. Traditional Chinese music has been introduced in Malaysia due to the immigration of Chinese community to Malaysia. The introduction and entry of traditional Chinese musical instruments from China in the early 20th century has provided the foundation for developing the Guzheng musical culture in Malaysia. Given the number of players Guzheng is growing, the solo Guzheng form has also been raised to Guzheng ensemble.

This study will focus on the establishment, formation and development of the Guzheng ensemble. Five themes used in the theory of musical revival have been linked to the process of awakening the Guzheng ensemble in the Klang Valley. Among the themes used are the motivation and the desire for change, the assessment and reinterpretation of history, legitimacy and authenticity, transmission and dissemination, as well as transposition and reconstruction. Three Guzheng Ensemble groups, Oriental String, DingTian (DT) Guzheng Ensemble and Art Melody Guzheng Ensemble have been devised as case studies. This study is a qualitative study, which ethnographic approach is used. Participative observation and semi-structural interviews have been used as data collection techniques.

The findings show that the rise of Guzheng Ensemble in the Klang Valley is influenced by motivation, changing desire and action of the resurrection agent. To raise a Guzheng ensemble, things like: teacher qualification selection, determination of inclusion of guzheng players, types of performing arts, repertoire selection and teaching and learning techniques should be considered. However, human resource and financial problems remain a barrier for

resurgence agents to expand their respective groups.

This study is expected to be a basic guide, provides information on cultural revival and subsequently helps other researchers to pursue studies related to the rise of music, especially in the form of Guzheng presentations.



## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada institusi atau orang perseorangan yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan (Bahagian Tajaan) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Sains ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada Prof. Madya Dr. Loo Fung Chiat dan Prof. Madya Dr. Chan Cheong Jan, selaku pensyarah penyelia saya atas bimbingan, nasihat dan dorongan di sepanjang pelaksanaan kajian ini sehingga tesis ini dihasilkan. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada Prof. Dr. Made Mantle Hood, bekas pensyarah penyelia saya atas segala bimbingan dan bantuan yang diberikan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En Ong Keng Choan, guru Guzheng saya dan rakan-rakan sekohor saya atas kerjasama dan bantuan yang diberikan semasa pengumpulan data.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Loo Fung Chiat, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Chan Cheong Jan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Made Mantle Hood, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Februari 2020

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Mok Vivien (GS47162)

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>KELULUSAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Limitasi Kajian	6
1.7 Kesimpulan	6
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Pembaharuan Tradisi	7
2.3 Kebangkitan Muzik	8
2.4 Sejarah Zheng	15
2.5 Pembangunan Seni Persembahan Guzheng Pada Masa Sekarang di China	16
2.6 Warisan Seni Persembahan Guzheng Ensemble	19
2.6.1 Perkembangan Serantau Mengenai Guzheng Ensemble	20
2.7 Latar Belakang Budaya dan Warisan Cina di Malaysia	24
2.7.1 Penghijrahan yang Paling Awal di Tanah Melayu	24
2.7.2 Pertukaran Budaya Cina dan Malaysia Moden	24
2.7.3 Warisan Seni Persembahan Guzheng Ensemble di Malaysia	26
2.8 Kesimpulan	29
<b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	30
3.2 Reka Bentuk Kajian	30
3.2.1 Kajian Kualitatif	32
3.2.2 Pendekatan Etnografi	33
3.3 Reka Bentuk Kajian Kualitatif	34
3.3.1 Penetapan Lokasi Kajian	34
3.3.2 Pensempelan dan Pemilihan Informan	35
3.4 Pengumpulan Data	36
3.4.1 Pemerhatian Ikut Serta	37
3.4.2 Temu Bual Separa Berstruktur	37
3.5 Penganalisan Data	40

3.5.1	Analisis Dokumen	40
3.5.2	Pengekodan Data	40
3.6	Kesimpulan	42
<b>4</b>	<b>PENUBUHAN, PEMBENTUKAN DAN PERKEMBANGAN GUZHENG ENSEMBEL</b>	
4.1	Pengenal	43
4.2	Latar Belakang Kumpulan Guzheng Ensemble	43
4.3	Penubuhan Kumpulan Guzheng Ensemble	44
4.3.1	Tujuan Penubuhan	44
4.3.2	Faktor Penubuhan	46
4.3.3	Masalah yang Dikemukakan	47
4.4	Pembentukan Kumpulan Guzheng Ensemble	49
4.4.1	Pemilihan Kelayakan Guru	49
4.4.2	Penentuan Kemasukan Ahli Pemain Guzheng	50
4.4.3	Seni Persembahan	51
4.4.4	Teknik Pengajaran dan Pembelajaran	56
4.5	Pemilihan Repertoire untuk Guzheng Ensemble	59
4.5.1	Notasi Muzik Bernombor	59
4.5.2	Repertoire Guzheng Ensemble	61
4.6	Perspektif Masyarakat Terhadap Kumpulan Guzheng Ensemble	63
4.6.1	Umur	63
4.6.2	Pekerjaan dan Pengalaman Terhadap Guzheng	64
4.6.3	Tahap Kecenderungan Minat Terhadap Guzheng	64
4.6.4	Masalah dan Cabaran	66
4.7	Perkembangan Kumpulan Guzheng Ensemble	67
4.7.1	Hala Tuju Kebangkitan Guzheng Ensemble oleh Ejen Kebangkitan	68
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN TEMA KEBANGKITAN DALAM KEBANGKITAN GUZHENG ENSEMBEL</b>	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Motivasi dan Keinginan Untuk Berbangkit	71
5.3	Penilaian dan Pentafsiran Semula Terhadap Sejarah	73
5.4	Kesahihan dan Keaslian	74
5.5	Penghantaran dan Penyebaran	76
5.6	Pengubahsuaian Semula	77
<b>6</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
6.1	Ringkasan Kajian	81
6.2	Kesimpulan	83
6.3	Cadangan untuk Penyelidikan Masa Depan	85
	<b>RUJUKAN</b>	86
	<b>LAMPIRAN</b>	92
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	139
	<b>PENERBITAN</b>	140

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Maklumat informan sekunder	35
3.2	Senarai nama informan yang ditemu bual	38



## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Kecapi Cina (Guzheng) yang terdiri dari 21 senar	15
2.2	Persembahan Guzheng Solo di NanYang International Music Competition, Singapore pada Julai 2017	19
2.3	Persembahan Guzheng ensembel di SJKC Tsun Jin, Maluri, Kuala Lumpur pada Mei 2017	20
3.1	Reka Bentuk Kajian	31
4.1	Latihan berkumpulan oleh DT Guzheng Ensembel pada tahun November 2016	46
4.2	Latihan Kelab Guzheng ensembel SJKC Yoke Nam	49
4.3	Persembahan Seni Profesional ( <i>Anual Risital</i> ) oleh DT Guzheng Ensembel di SJKC Chung Kwo, Kuala Lumpur pada 23 Januari 2016	51
4.4	Persembahan komersial untuk majlis perkahwinan oleh Art Melody Guzheng Ensembel di Setia Eco Templar, Rawang pada Januari 2018	52
4.5	Pakaian Ceongsam dan Samfu dipakai semasa membuat persembahan komersial perayaan Tahun Baharu Cina di Summit USJ pada Jan 2013	53
4.6	Pakaian baju kebaya dipakai bagi membuat persembahan di Malaysia Guzheng Art Festival, Sandakan pada Feb 2017. Alat muzik kompang turut digabungkan	53
4.7	Pakaian diselaraskan untuk menghasilkan kesan kekemasan dalam persembahan Anual Risital, oleh kumpulan DT Guzheng Ensembel di SJKC Tsun Jin, Kuala Lumpur pada Mei 2017	54
4.8	Persembahan Hari Kanak-kanak oleh kumpulan anak murid di SJKC Yoke Nam, Kuala Lumpur pada tahun Oktober 2018	54

4.9	Persembahan Anual Risital oleh DT Guzheng Ensemble di SJKC Chung Kwo, Kuala Lumpur pada 23 Januari 2016	55
4.10	Persembahan “ <i>Xin Hai Conservatory of Music</i> ” di Guang Zhou, China pada tahun 2009	55
4.11	Persembahan awam di Medan Pasar, Kuala Lumpur oleh Oriental String pada Januari 2016	56
4.12	Perbandingan notasi antara notasi muzik bernombor ( <i>numbered musical notation</i> ) dan notasi skor muzik ( <i>Stave Notation</i> )	59
4.13	Perbandingan nilai not nombor dan nilai not muzik	60
4.14	Skala pentatonik Guzheng	60
4.15	‘Fisherman’s Noctume’ sebuah repertoire Guzheng ensemble yang mempunyai lima bahagian	61
4.16	Repertoire Guzheng ensemble yang menunjukkan bahagian keempat (箏4) dan kelima (箏5) dimainkan secara iringan bass	62
4.17	Frasa pertama lagu ‘Fisherman’s Noctume’ Guzheng solo	62
4.18	Frasa pertama lagu ‘Fisherman’s Noctume’ Guzheng ensemble	63

## BAB 1

### PENGENALAN

Bab ini menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan dan menghuraikan beberapa subtopik, iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian. Selain itu, kepentingan kajian, skop kajian dan limitasi kajian juga turut dibicarakan.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang terdiri daripada berbilang kaum, bangsa, bahasa dan budaya. Tiga kaum utama di Malaysia, iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India telah pun menetap di tanah ini selama lima abad. Selain itu, Malaysia juga merupakan tanah air kepada Baba Nyonya, Kadazandusun dan Iban. Mengikut pakar antropologi, J.S. Furnivall (1984) menyatakan masyarakat majmuk adalah merujuk kepada masyarakat campuran yang berbilang bangsa (Eriksen, 2002: 48). Namun, campuran ini dalam erti katanya yang sebenar ialah bergaul tetapi tidak bercantum. Setiap etnik mengamalkan agama, adat, bahasa, fahaman, kebudayaan dan cara hidupnya yang persendirian. Setiap etnik juga mempunyai seni muzik yang khas dan istimewa. Menurut laporan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2017-2018 dari Jabatan Perangkaan Malaysia, etnik Bumiputera mempunyai peratusan yang tertinggi, iaitu 69.1 peratus. Ini diikuti dengan kaum Cina (23.0 peratus), kaum India (7.0 Peratus) dan kaum lain-lain sebanyak 1.0 peratus. Penduduk warganegara pada tahun 2018 adalah sebanyak 29.1 juta. Komposisi etnik Bumiputera mencatatkan peningkatan 0.3 mata peratus pada tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017. Manakala komposisi etnik Cina dan India mencatatkan penurunan masing-masing 0.2 mata peratus dan 0.1 mata peratus. Walau bagaimanapun, kebudayaan Cina tetap popular di kalangan rakyat Malaysia kerana bilangan etnik Cina mempunyai purata yang kedua besar di Malaysia.

Kebudayaan Cina mempunyai sejarah yang lebih daripada 5,000 tahun, merupakan salah satu tamadun yang tertua di dunia. Negara China meliputi kawasan geografi besar yang penuh adat dan tradisi yang banyak berbeza antara pekan, bandar dan wilayah. Tradisi Cina yang diwarisi meliputi bahasa, adat resam, pakaian, tarian, muzik dan sebagainya. Menjelang abad ke-20, kebudayaan tradisional Cina telah disebarkan ke Tanah Melayu kerana kedatangan perantau China secara besar-besaran. Kebudayaan tradisional Cina turut berakar dan berkembang di Tanah Melayu. Dari tanah Melayu ke Malaysia, kebudayaan tradisional Cina telah dikekalkan dan diwariskan melalui empat saluran utama, iaitu penerbitan akhbar dan majalah bahasa Cina, pembentukan sistem pendidikan bahasa Cina, pengenalan dan penterjemahan karya-karya klasik bahasa Cina serta penyebaran opera tradisional China. Bentuk kesenian dan budaya tradisional Cina, misalnya tarian, nyanyian, lukisan,



kaligrafi malahan muzik juga disebar dan dikembangkan di seluruh Malaysia (S. Y., 2016: 85-97).

Menjelang akhir abad ke-20, peluang integrasi aktiviti muzik antara negara China dan Malaysia telah diperbanyakkan. Muzik tradisional Cina mula diperkenalkan di Malaysia atas sebab imigrasi penduduk negara China ke Malaysia (Zhang, 2010: 24). Sejumlah besar muzik Cina yang baru dicipta, skor muzik Cina, persembahan muzik Cina telah diperkenalkan di Malaysia. Selain itu, pendidikan muzik kelab Cina dan persatuan kebudayaan turut mempromosi dan menyebarkan muzik tradisional. Sejak tahun 1960, terdapat banyak persatuan muzik aktif di Malaysia. Banyak sekolah dan kelab Cina telah menubuhkan Orkestra Cina Moden dan '*difang yinyue*' (muzik daerah) (Tan, 2011:133-134). Dalam Orkestra Cina Moden, banyak alat muzik tradisional telah digunakan. Guzheng, merupakan salah satu alat muzik tradisional cina dalam Orkestra Cina Moden, ia dikategorikan dalam kumpulan *Plucked String* (bermain dengan cara petikan).

Pada masa yang sama, lagu kontemporari telah berkembang dengan pesat. Suara dan bentuk Guzheng yang unik telah menyebabkan alat muzik tradisional ini diterima oleh kalangan rakyat di Negara China. Guzheng bukan sahaja menjadi alat muzik sampingan dalam bentuk orkestra, malah ia lebih aktif dalam bentuk solo (Xu, 2014: 184). Pengenalan dan kemasukan alat muzik tradisional Cina dari Negara China seperti Muzik Teochew (潮州弦诗乐), Muzik Zheng (箏乐), Muzik Guangdong (广东音乐), Jiangnan Sizhu (江南丝竹) dan Xiyue (细乐) pada awal abad ke-20 telah menyediakan asas untuk membangunkan budaya muzik Guzheng di Malaysia. Seorang pakar pemain dan pendidik Guzheng, Profesor Louis Chen (陈蕾士博士) juga telah berusaha mengubah muzik-muzik Teochew ke dalam bentuk muzik Zheng. Selain itu, pada zaman moden, perkembangan industri rakaman dan pelajar dari Negara China juga telah menjadi asas penyebaran muzik tradisional (Zhang, 2010: 24).

Para pendidik muzik tradisional telah memainkan peranan yang penting untuk mengembangkan warisan budaya muzik Guzheng. Berbanding pada tahun 1990-an, kini, muzik Guzheng telah berkembang dan menjadi satu fenomena budaya bagi generasi baru di Malaysia. Selain mendapat integrasi budaya dari negara China, ramai suka menyambung pelajaran ke negara Taiwan. Dengan itu, mereka berpeluang untuk belajar Guzheng selepas waktu persekolahan. Di Samping itu, terdapat banyak pemain Guzheng telah mempelajari Guzheng dengan Zithers Singapura. Selepas kembali ke Malaysia, mereka terlibat dalam pendidikan Guzheng di Malaysia. Sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa pemain Guzheng yang terkenal telah memperolehi gelaran profesional Guzheng dari Konservatif Muzik China, Konservatif Muzik Xi'An dan Konservatif Muzik Shanghai. Mereka telah kembali dari China ke Malaysia untuk menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan muzik Zheng.

Memandangkan bilangan pelajar semakin bertambah, sejak kebelakangan ini, semakin banyak pusat muzik dan pihak sekolah telah mula mengadakan kelas atau persatuan kelab Guzheng di sekitar Lembah Klang. Keadaan ini telah menyebabkan bilangan sumber pengajar tidak dapat memenuhi keperluan bilangan pelajar. Oleh itu, kelas berkumpulan telah digunakan untuk menggantikan kelas individu serta persembahan Guzheng ensemble telah dimulakan. Untuk mengembangkan cara persembahan Guzheng daripada bentuk solo kepada bentuk berkumpulan, Malaysia Guzheng Art Festival telah diadakan pada tahun 2015. Aktiviti ini diadakan dengan tujuan memberi peluang kepada para pemain Guzheng untuk mengadakan persembahan dan pertandingan dalam bentuk Guzheng ensemble. Ia juga merupakan satu aktiviti untuk mempromosi dan mengukuhkan warisan budaya muzik Zheng.

Dari awal tahun 1990-an, Guzheng ensemble telah berkembang pesat di Negara China. Latihan bagi Guzheng ensemble bukan sahaja berada di kolej-kolej profesional, manakala beberapa institusi atau pusat latihan muzik juga telah menubuh kelab Guzheng ensemble. Bentuk persembahan ini telah menjadi satu trend yang baru bagi persembahan Zheng. Mereka mempunyai sumber pengajaran yang cukup. Komposer terkenal seperti Wen Gong dan Zhou Chenglong telah mencipta dan menerbitkan karya ensemble (Jiang, 2013: 87-88).

Perbincangan berkaitan kebangkitan semula Guzheng ensemble akan memberikan fokus kepada penubuhan, pembentukan dan perkembangan sesebuah Guzheng ensemble. Bagi tujuan ini, kajian akan tertumpu kepada tiga buah kumpulan Guzheng ensemble yang terutama sebagai studi kes, iaitu kumpulan DingTian (DT) Guzheng dari Lammannss Art Gallery di Kuchai Lama, kumpulan Oriental Strings dari Keejan Music School di Petaling Jaya dan Art Melody Guzheng Ensemble dari Art Melody Music Academy di Damansara. Selain itu, beberapa pusat muzik yang mengadakan kelas Guzheng juga turut terlibat untuk mendapat data sampingan.

## **1.2      Penyataan Masalah**

Masyarakat Cina merupakan bilangan kaum yang kedua terbesar di Malaysia. Dengan adanya pertukaran budaya yang semakin kerap di China dan Malaysia, generasi muda masyarakat Cina di Malaysia mula mencari inisiatif untuk mengekalkan sosial budaya etnik mereka. Muzik, sebagai salah satu sosial budaya tidak dapat dipisahkan daripada sesebuah kaum masyarakat. Muzik tradisional merupakan satu cara untuk mendedah keadaan sosial budaya serta sebagai cara untuk menyampaikan ritual masing-masing. Namun, keadaan ini semakin dibimbangkan kerana sistem nilai yang telah diamalkan sejak turun-temurun semakin terhakis dengan landaan proses globalisasi. Ia merupakan satu proses yang boleh dikaitkan dengan 'pengklonan budaya', yakni menyamakan budaya sesebuah masyarakat dengan budaya sebuah masyarakat lain, biasanya dilakukan oleh masyarakat barat ke atas masyarakat di timur (Awang: 2016).

Perubahan nilai memberi kesan yang luas kepada perubahan, pembaharuan budaya atau cara hidup sesuatu masyarakat. Dalam masyarakat Cina di Malaysia, oleh sebab proses pembaratan pemikiran dan penerimaan nilai-nilai barat, telah menyebabkan konsep dan ideologi sosial budaya telah berubah. Hal ini dapat dikesan di serantau Lembah Klang, kebanyakan pusat latihan muzik barat ditubuhkan dan ibu bapa sering menghantar anak mereka untuk mempelajari alat muzik barat. Muzik barat juga diajar secara formal di sekolah secara langsung atau tidak langsung. Muzik barat semakin menebal dalam arena muzik tradisional Cina apabila masyarakat Cina lebih memberi tumpuan dan minat kepada muzik barat, sama ada melalui pendedahan menerusi bidang pendidikan atau melalui media massa. Lagu-lagu kontemporari juga dicipta untuk memenuhi permintaan masyarakat. Hal ini telah menyebabkan lagu tradisional Guzheng telah dipinggirkan serta semakin dilupakan.

Proses globalisasi ini telah membimbangkan pejuang budaya tempatan. Para pemain dan pencipta muzik melihat tradisi Cina sebagai sesuatu yang tidak semestinya diwariskan tetapi juga sesuatu yang akan diubah dan dicipta semula. Sebagai agen –agen masyarakat Cina yang baru, ramai yang berpendapat tradisi Cina boleh disimpan hanya melalui perubahan atau pembaharuan, sama ada melalui mengumpul dan menyempurnakannya, atau dengan menjadikannya lebih moden, lebih saintifik atau lebih bersatu. Maka muzik Guzheng ensemble dibangkitkan semula untuk mengekalkan seni kebudayaan masyarakat Cina.

Kebangkitan semula muzik Guzheng ensemble telah mengubah perspektif masyarakat tempat terhadap muzik tradisional Guzheng. Namun, perkembangan Guzheng ensemble di Malaysia dikira agak lambat berbanding dengan negara-negara jiran yang telah membangkitkan Guzheng ensemble pada awal tahun 1990an. Walaupun pusat latihan muzik di Lembah Klang semakin diperbanyakkan. Namun, sumber pengajar Guzheng adalah limitasi. Selain itu, ramai yang bermain Guzheng solo hanya menguasai tahap kemajuan dan tahap peringkat peperiksaan sahaja. Mereka tidak mementingkan nilai estetika dalam menghayati asal-usul sesebuah lagu tradisional. Ini telah menjadi satu fenomena biasa dalam pembelajaran Guzheng. Tambah pula, pengajaran Guzheng tidak mempunyai kurikulum yang formal diberikan seperti yang ada pada negara China, Hong Kong dan Singapura. Buku teks yang digunakan tidak cukup komprehensif.

Bertepatan dengan fenomena di atas, pengkaji berhasrat untuk menilai kebangkitan semula Guzheng ensemble dari segi penubuhan, perkembangan dan pembentukan. Pengkaji akan menilai cara dan tujuan penubuhan Guzheng ensemble dari segi peranan komuniti dan organisasi. Pengkaji juga akan melihat sejauh manakah hala tuju peranan muzik Guzheng ensemble sebagai agen pembentukan nilai budaya masyarakat Cina di Malaysia. Justeru, tumpuan pembicaraan juga akan diberi kepada pembentukan Guzheng ensemble dari segi bilang pemain, lembaran lagu atau *repertoire* yang digunakan dan fungsi Guzheng ensemble.

### 1.3 Persoalan Kajian

Secara khususnya, pengkaji merumuskan beberapa persoalan yang perlu dikaji. Skop kajian adalah menjurus kepada tiga persoalan seperti berikut:

- a. Apakah cara dan tujuan penubuhan Guzheng ensemble di Lembah Klang, Malaysia?
- b. Bagaimanakah pemilihan *repertoire* dan kelayakan pemain Guzheng ensemble di Lembah Klang, Malaysia?
- c. Sejauh manakah hala tuju ejen kebangkitan terhadap perkembangan Guzheng ensemble di Lembah Klang, Malaysia?

### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bagi tujuan mengenal pasti kebangkitan Guzheng ensemble yang berlaku di sekitar Lembah Klang. Objektif khusus kajian ini adalah:

- a. Menghuraikan cara dan tujuan penubuhan Guzheng ensemble di Lembah Klang, Malaysia.
- b. Mengetahui pemilihan *repertoire* dan kelayakan pemain Guzheng ensemble di Lembah Klang, Malaysia.
- c. Menyiasat hala tuju ejen kebangkitan terhadap perkembangan Guzheng ensemble di Lembah Klang, Malaysia.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Pengajaran Guzheng ensemble bermula di negara China, telah mengalami setengah abad sejak diadakan di universiti pada tahun 1940-an. Kepentingan pengajaran ensemble telah disokong dan di promosi dengan besar-besaran (Wang, 2015: 49). Perubahan Guzheng dari segi persembahan dan pengajaran telah memberi banyak manfaat kepada pihak pengajar mahupun pelajar. Bagi pihak pengajar, Guzheng ensemble menjimatkan sumber dan masa pengajaran, ia juga boleh meningkatkan komunikasi antara guru dan pelajar. Bagi pihak pelajar, Guzheng ensemble telah memberi kemampuan untuk membangunkan kemahiran kerjasama di kalangan pelajar. Mereka lebih bermotivasi demi mengurangkan tekanan yang berada dalam kumpulan. Selain itu, Guzheng ensemble juga memberi keupayaan kepada pelajar untuk mengetahui tahap suara yang berbeza, ia juga menjadi asas untuk persembahan pentas masa depan pelajar (Wang, Q., 2015: 127).

Oleh itu, kajian ini amat penting kerana dapat dijadikan sebagai asas bagi menentukan jenis latihan yang diperlukan bagi penubuhan dan perkembangan sesebuah Guzheng ensemble di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti masalah atau isu yang dihadapi oleh pusat latihan muzik semasa membangunkan dan mengembangkan sesebuah Guzheng ensemble. Diharapkan kajian ini dapat memenuhi keperluan pelbagai pihak seperti pemain Guzheng ensemble, para pengajar dan para pencipta budaya yang berhasrat

untuk mengembangkan Guzheng ensemble sebagai satu warisan budaya pada masa kini.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi panduan asas dan membekalkan maklumat-maklumat tentang kebangkitan budaya dan seterusnya membantu pengkaji-pengkaji yang lain untuk meneruskan kajian berkaitan dengan kebangkitan muzik, terutamanya dalam bentuk persembahan Guzheng. Diharapkan masalah penubuhan dan perkembangan Guzheng ensemble seumpamanya dapat diselesaikan dengan adanya penyelidikan yang menyeluruh untuk mengenal pasti warisan budaya tradisional dapat dikekalkan.

### **1.6 Limitasi Kajian**

Terdapat beberapa batasan atau limitasi dalam kajian ini. Pertamanya ialah informan kajian ini hanya terdiri daripada penganjur, pengajar dan pemain Guzheng yang dipilih dari pusat muzik tertentu, iaitu dari Lammanss Art Gallery (Kuchai Lama), Art Melody Music Academic (Damansara) dan KeeJan Music School (Petaling Jaya). Kajian ini tidak digeneralisasikan kepada seluruh pusat muzik yang lain kerana pengkaji hanya menggunakan tiga pusat muzik tersebut sebagai kajian kes. Kedua, hasil kajian ini bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan informan ketika temu bual dijalankan. Ketiga, kajian ini dihadkan kepada informan di beberapa pusat muzik sekitar pada tahun September 2017 hingga tahun September 2018. Walaupun keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili seluruh pusat muzik tradisional di Malaysia, tetapi kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada suatu budaya dalam mengenal pasti cara kebangkitan Guzheng ensemble.

### **1.7 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab ini memberi gambaran secara global tentang kebangkitan Guzheng ensemble di Lembah Klang. Latar belakang kajian ini telah membincangkan tentang aspek penubuhan pusat muzik tradisional Cina dan menuju kepada penyataan masalah dengan membincangkan masalah terhadap penganjur pusat muzik tradisional dan pengajar alat muzik Guzheng. Selanjutnya, tujuan kajian untuk mengkaji kebangkitan semula Guzheng ensemble di Lembah Klang sebagai fokus kajian. Tiga persoalan kajian dan objektif telah dikemukakan. Akhirnya, kajian ini juga mempunyai limitasinya kerana hasil dapatannya tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili semua pusat muzik di seluruh Malaysia.

## RUJUKAN

- Ai, L. (2015 Febuari 9). Zhuanchang yinyuehui ji zhuhe jiangshusheng yinxie Guzheng xuehui chengli yinyuehui [Konsert Khas atas penubuhan konsert Persatuan Muzik Jiangsu Provincial Guzheng Society]. Zhongguo guzhengwang. Akses 13 Mei, 2017. Daripada <https://www.guzheng.cn/news/7393.html>.
- Ai, L. (2016 Julai 19). Bairen zhengtuan yaoshenzhou, aoshen zhengqing, zihezhtuan yinyuehui zouxiang yangcheng [Persembahan kumpulan guzheng dan penyanyi Yuezhou]. Zhongguo guzhengwang. Akses 3 Oktober, 2017. daripada <https://www.guzheng.cn/news/9281.html>.
- Awang, H. (2016). Ekspresi Budaya Tradisional Dalam Era Dunia Tanpa Sempadan: Cabaran Terkini. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.
- Beiner, G. (2001). The Invention of Tradition?. *The History Review*, 12, 1- 10.
- Beng, T. S. (2000). The " Huayue Tuan"(Chinese Orchestra) in Malaysia: Adapting to Survive. *Asian music*, 31(2), 107-128.
- Bithell, C., & Hill, J. (Eds.). (2014). *The Oxford handbook of music revival*. Oxford University Press (UK).
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (1997). *Qualitative research for education*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Bryman, A., & Burgess, R. G. (2002). Developments in qualitative data analysis: an introduction In *Analyzing qualitative data* (pp. 15-31). Routledge.
- Chen, P. P. O. S., Ming, D. C., Zhaopeng, W., Hong, L., Hsiao-huei, P., Hui, S., ... & Chuan, S.Y. (2016). Journal of Chinese Literature and Culture. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 4(1).
- Chen, Y. L. (2011). Qianxi guzheng gebiejiaoxue he xiaozujiaoxue [Analisis pengajaran dan pengajaran individu Guzheng]. *Huanghe zhi sheng*, (5), 56-57.
- Chen, Y. Z. (2016). Tan Guzheng yishu de fazhan yu fansheng [Pembangunan dan Kemakmuran Seni Guzheng.]. *Xiju zhijia*, (15), 249-250.
- Cui, C. X. (2016). Ruhe peiyang haizi dui minzu yueqi de xingqu [Cara Memupuk Minat Kanak-kanak Dalam Alat Muzik Kebangsaan ]. *Zhongguo xiaowai jiaoyu*, (26), 105.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Duan, L. L. (2006). Guzheng de qiyuan yu fazhan [Asal dan perkembangan Guzheng]. *minzu yinyue*, 1.
- Eriksen, T. H. (2002). *Ethnicity and nationalism: Anthropological perspectives*. Pluto Press.
- Fan, R. (2012). Qiantan dangdai guzheng gaige [Pembaharuan Guzheng Kontemporer]. *Jisu tiandi-zhiqinzheshuo*, (08), 14-15.
- Gao, Y. (2017). Guzheng xiezouqu de yanzou ji qi jiaoxue shijian [Prestasi Guzheng Concerto dan Amalan Pengajarannya]. *Heihe xueyuan xuebao*, 8(1), 120-121.
- Goertzen, C. (2007). *Fiddling for Norway: revival and identity*. University of Chicago Press.
- Han, X. (2015). Guzhengxiezouqu de yanzou ji jiaoxue sikao [Refleksi mengenai Prestasi dan Pengajaran Guzheng Concerto]. *Huanghe zhi sheng*, (5), 91-91.
- Hao, J. (2006). Shilun Zhongguo guzhengliupai [Aliran muzik guzheng di China]. *Fuzhoudaxue xuebao (zhexueshehui kexueban)*, 2
- He, W. (2013). Tanxi guzheng yu xifangyueqi yanzou de ronghe [Meneroka Gabungan Muzik Guzheng dan Muzik Barat]. *Yinyue chuanguo*, (4), 128-129.
- Hobsbawm, E., & Ranger, T. (Eds.). (2012). *The invention of tradition*. Cambridge University Press.
- Hood, M., & May, E. (1982). Music of Many Cultures-an Introduction. *Australian Journal of Music Education*, (31), 54.
- Huang, H. K. (2016, November 1). Hubungan Malaysia-China terus mesra. *Berita Harian Online*. Akses daripada <https://www.bharian.com.my/node/208199>
- Huang, Y. F. (2014). Jitike yu gebieke jiehe de jiaoxuemoshi zai zhongzhi guzheng jiaoxuezhong de yingyong [Gabungan Pelajaran Kumpulan dan Pelajaran Individu dalam Pengajaran Guzheng di Sekolah Vokasional Menengah]. *chizi (shangzhongxuan)*, (11), 131.
- Ioannidou, A. (2017). *Greek Cypriot Wedding Music and Customs: Revival and Identity* (Doctoral dissertation, University of Sheffield).
- Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 1-11.

- Jiang, D. Y. (2013). *Guanyu guzhengzhuanye chongzou, hezoujiaoxue de jidian jianyi* [Cadangan Mengenai Ajaran Ensemble of Zither]. (Doctoral dissertation).
- Jiang, D. Y. (2013). Guanyu guzheng hezou, zhongzoujiaoxue de jidian jianyi [Ajaran ensembel dan ensembel kesenian dalam pendidikan seni]. *China Academic Journal electronic Publishing Horse*.
- Kong, L. (1999). The invention of heritage: popular music in Singapore. *Asian Studies Review*, 23(1), 1-25.
- Lawergren, B. (2003). Western influences on the early Chinese Qin-Zither. *Bulletin of the Museum of Far Eastern Antiquities*, 75, 79-109.
- Lau, F. (1996). Forever red: The invention of solo dizi music in post-1949 China. *British Journal of Ethnomusicology*, 5(1), 113-131.
- Lee, H. Y. (2011). Lun wuxianpu zai guzhengjiaoxuezhong de liyubi [Kelebihan dan Kekurangan Staf dalam Pengajaran Guzheng]. *Jiamusi jiaoyu xueyuan xuebao*, (4), 60.
- Lee, T. S. K. (2011). *Music as a birthright: Chicago's Old Town School of Folk Music and participatory music making in the twenty-first century*. University of Illinois at Urbana-Champaign.
- LeCompte, M. D., & Schensul, J. J. (1999). *Designing and conducting ethnographic research* (Vol. 1). Rowman Altamira.
- Lian, Y. (2016). Guzheng yanzou xingshi de guyujin [Bentuk Persembahan Guzheng: purba dan moden]. *Xiju zhi jia*, (5), 63.
- Lind, T. T. (2011). *The Past is Always Present: The Revival of the Byzantine Musical Tradition at Mount Athos* (Vol. 13). Scarecrow Press.
- Liu, L. L. (2013). Lun gaoxiao keishe guzheng hezouke de zhongyaoxing [Kepentingan Tawaran Guzheng ensembel di Kolej dan Universiti]. *Yinyue shikong*, (03), 78-84.
- Livingston, T. E. (1999). Music revivals: Towards a general theory. *Ethnomusicology*, 43(1), 66-85.
- Lu, J. (2013). Sichuan dangdai zhengyue yishu de fazhan licheng [Perkembangan Seni Guzheng Kontemporari Sichuan]. *Sichuan xiju*, (3), 99-105.
- Ma, H. (2017). Chuantong guzheng yinyue dui xiandai guzheng qumu chuanguo de qishi [Perubahan Muzik Tradisional Guzheng pada Penciptaan Guzheng Moden]. *Yinyue chuanguo*, (7), 118-119.



- Macgilchrist, F., & Van Hout, T. (2011). Ethnographic discourse analysis and social science. In *Forum: qualitative social research*.-- (Vol. 12, No. 1, pp. 1-24).
- Mahmood, N. H. N. (1997). *Orang-orang cina di Tanah Melayu*. Penerbit UTM.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2018). *Siaran Akhbar Anggaran Pendudukan Semasa, Malaysia, 2017-2018*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education. Revised and Expanded from " Case Study Research in Education."*. Jossey-Bass Publishers, 350 Sansome St, San Francisco, CA 94104.
- Mitchell, G. (2016). *The North American folk music revival: Nation and identity in the United States and Canada, 1945–1980*. Routledge.
- Moghaddam, A. (2006). Coding issues in grounded theory. *Issues in educational research*, 16(1), 52-66.
- Ning, X. J. (2004). Qiantan 20 shiji Zhongguo minzuyueqi guzheng de fazhan [Pembangunan Muzik Instrumental Kebangsaan Cina pada Abad ke-20]. *Xuexiao yishujiaoyu yusuzhijiaoyu tuntanwenji*.
- Nugrahani, F., & Hum, M. (2014). *Metode Penelitian Kualitatif*. Solo: Cakra Books.
- Peng, R. (1994). Shilun dangdai guzhengyishu de fazhanlicheng [Pembangunan Seni Guzheng Kontemporari].
- Saldaña, J. (2015). *The coding manual for qualitative researchers*. Sage.
- Somantri, G. R. (2010). Memahami metode kualitatif. *Hubs-Asia*, 10(1).
- Strauss, A. L. (1987). *Qualitative analysis for social scientists*. Cambridge university press.
- Stokes, J. (2006). *How to do media and cultural studies: Panduan untuk melaksanakan penelitian dalam kajian media dan budaya*. Bentang Pustaka.
- Subadi, T. (2006). *Metode Penelitian Kualitatif*.
- Tan, B. S. (2011). Huayue Tuan Di Malaysia: Adaptasi untuk Kelangsungan. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2:2. 130 – 150.
- Uganda, T. M. I. (2018). CHAPTER FOUR THE CONSTRUCTION OF ETHNIC IDENTITY THROUGH MUSIC IN UGANDA LINDA CIMARDI. *Making Music, Making Society*, 95.
- Waligórska, M. (2013). *Klezmer's afterlife: an ethnography of the Jewish music revival in Poland and Germany*. Oxford University Press.

- Wang, J. J. (2015). Chongzou hezou zai guzheng jiaoxuezhong de shijian yu yanjiu [Amalan dan Penyelidikan pada Ensemble dalam Pengajaran Guzheng]. *Huanghe zhi sheng*, (18), 49-50.
- Wang, Q. (2015). Jiantan guzheng chongzou de duoyuanhua moshi jiaoxue [Pengajaran Mod Guzheng Ensemble]. *Yinyue shikong*, (4), 172.
- Wang, Q. N. (2017). Qianxi chuantongwenhua dui guzhengyishu de yingxiang [Analisis Pengaruh Budaya Tradisional pada Seni Guzheng]. *Xiandai jiaoji*, (15), 77-78.
- Wang, W. (2006). Minzuqiye de wuxianpu yingyong wenti tanjiu [Penyelidikan Mengenai Aplikasi Geologi Muzik Instrumental Nasional]. *Yishu baijia*, 5.
- Wang, X. P. (1997). Zhengyi de lishibianqian he liupai de xingcheng [Perubahan sejarah zither dan pembentukan genre]. *Shanxi Jiaoyu xueyuan xuebao*, 1.
- Wang, X. Y. (2016). *Lunwuxianpu zai minzuyueqi jiaoxuezhong de liyubi* [Kelebihan dan Kekurangan Staf dalam Pengajaran Instrumen Kebangsaan]. (Master's thesis), Jiangxi shifan daxue.
- Wang, Y. (2009). *Yi guzheng yinyue de fazhan ji zouxiang* [Pembangunan dan Trend Muzik Guzheng]. (Doctoral dissertation).
- Wang, Y. (2006). Qiantan guzheng xiezouqu de yanzou yu jiaoxue [Pengajaran Guzheng Concerto]. *Huangzhong (Zhongguo. Wuhan yinyue xueyuan xuebao)*, 1.
- Wood, D. H. (2017). A mixed-methods study of affective difference in the old-time music revival in Appalachian Virginia and North Carolina
- Xia, J. O. (2018). Guzheng zhuanke jiaoxue zhongpushi yingyong de duoyuanhua tansuo [Kepelbagaian penerokaan penerapan spektrum dalam pengajaran Guzheng]. *Zhejiang yishu zhiye xueyuan xuebao*, 16(1), 101-108.
- Xiao, N. (2014). *Qiantan guzheng yu xiandai liuxing yinyue de ronghe he chuangxin* [Integrasi dan Inovasi Guzheng dan Muzik Pop Modern]. (Doctoral dissertation).
- Xu, L. W. (2013). *Qiantan 21 shiji guzheng yishu de fazhan qushi* [Trend Pembangunan Seni Guzheng pada abad ke-21]. (Doctoral dissertation).
- Xu, Y. L. (2014). Guzhengre yu wenhua zijue [Kesedaran budaya Guzheng]. *Yinyue chuanguo*, (1), 184-185.
- Yan, A. H. (2002). Dangdai guzheng yishu fazhan zhi kuiji [Perkembangan seni guzheng kontemporari]. *Yishu baijia*, 3, 107-111.
- Yang, H. L., & Saffle, M. (2010). The 12 girls band: Traditions, gender, globalization, and (inter) national identity. *Asian music*, 41(2), 88-112.

- Yang, Z. (2014). Xiandai zhengyue yu chuantong zhengyu [Zither moden dan Zither tradisional]. *Huanghe zhi sheng*, (18), 30-30.
- Yuxing, Z., & Reily, S. A. (2018). THE HIDDEN MUSICIANS OF THE GUQIN MUSIC WORLD OF LANZHOU1. *The Routledge Companion to the Study of Local Musicking*.
- Zhang, Y. X. (2010). *Zhongguo guzheng yinyue zai malaixiya chuancheng de yanjiu* [Penyelidikan mengenai warisan muzik guzheng Cina di Malaysia]. (Doctoral dissertation). Zhongguo yinyue xueyuan suoshi xuewei lunwen.
- Zheng, C., & Knobloch, Y. (1983). A Discussion of the History of the Gu zheng. *Asian Music*, 14(2), 1-16.
- Zhou, C. L. (2014). Qiantan zai gaoshi guzheng jiaoxuezhong kaishe hezouke de zhongyaoxing [Kepentingan Guzheng Ensemble dalam Pengajaran Guzheng di Kolej]. *Yinyue shikong*, (22), 160-160.
- Zhou, X. J. (2016). Xinshiqi guzheng biaoyan de chuancheng he chuangxin fazhan [Warisan dan Inovasi Prestasi Guzheng dalam Tempoh Baru]. *Gaokao*, (15), 179.
- Zhuo, S. (2016). *The Chinese Zheng Zither: Contemporary Transformations*. Routledge.

## BIODATA PELAJAR

Mok Vivien telah dilahirkan pada 21 Mac 1987 di Rantau Panjang, Kelantan dan dibesarkan di Kuantan, Pahang. Beliau merupakan anak sulung dalam keluarganya. Beliau telah mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Semambu dan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Alor Akar, Kuantan. Semasa dalam peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah, beliau aktif dalam kumpulan pancaragam. Pada tahun 2006, beliau memulakan pengajian mahasiswa di Institut Perguruan Sultan Abdul Halim selama lima tahun setengah. Beliau berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda (kepujian) dalam bidang Pengajian Bahasa Cina. Beliau telah mula berkhidmat sebagai guru Bahasa Cina dan guru Muzik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yoke Nam, Kuala Lumpur pada tahun 2011. Beliau juga merupakan guru penasihat kepada Brass Band Sekolah. Sebelum melanjutkan pengajian sarjana sains di Universiti Putra Malaysia, beliau juga merupakan seorang guru muzik di pusat muzik Lammannss Art.

Beliau mula bermain piano pada umur enam tahun. Beliau telah berjaya menghabiskan painonya dalam grad lapan pada tahun 2008. Seterusnya beliau mula bermain Guzheng semasa beliau memulakan kerjayanya di Kuala Lumpur. Beliau telah menyertai Kumpulan Guzheng ensemble pada tahun 2016. Pada tahun yang sama, beliau telah diberikan masa untuk cuti belajar bergaji penuh oleh Kementerian Pendidikan untuk melanjutkan pelajaran Ijazah Sarjananya di Universiti Putra Malaysia.

## PENERBITAN

Mok Vivien. 2019. Kebangkitan Guzheng Ensembl di Lembah Klang, Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 4, Issue 3: 1 – 7.





## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KEBANGKITAN SEMULA MUZIK GUZHENG ENSEMBEL DI LEMBAH KLANG,  
MALAYSIA

#### NAMA PELAJAR : MOK VIVIEN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v)

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

#### Pengesahan oleh:

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]